



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**KETUA PENGARANG (B.2 / B.2 EB.3)
PUSAT SEJARAH
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi Pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap Penilaian Prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- | |
|--|
| <p>1. KETUA PENGARANG
PUSAT SEJARAH
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)</p> |
|--|

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **BAGI TANGGA GAJI B.2 EB.3**

Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Linguistik / Pengajian Brunei / Program Bahasa Melayu / Sastera / Sejarah atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang yang sama adalah kelebihan.

- b) **BAGI TANGGA GAJI B.2**

i) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Linguistik / Pengajian Brunei / Program Bahasa Melayu / Sastera / Sejarah atau bidang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang berkaitan dalam bidang penulisan atau penyuntingan atau penerbitan dalam tangga gaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

ii) Telah berkhidmat di Pusat Sejarah sebagai Pengarang Kanan atau dalam jawatan yang berkaitan dalam bidang penulisan atau penyuntingan atau penerbitan dalam tangga gaji C.3 tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pengarang Kanan atau dalam jawatan yang berkaitan dalam bidang penulisan atau penyuntingan atau penerbitan dalam tangga gaji C.3 tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.



2. Mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang penulisan, penerbitan, kebudayaan, kesusasteraan dan adat istiadat.
3. Mempunyai kemahiran dalam menguasai Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta boleh membaca dan menulis jawi dengan baik.
4. Berkemahiran dalam komunikasi serta mempunyai sifat-sifat kepimpinan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengetuai Bahagian Penerbitan dan Pemasaran;
2. Mengumpul dan memperbaiki segala manuskrip dan rencana untuk terbitan Pusat Sejarah Brunei;
3. Menulis rencana sejarah dan yang berkaitan dengan kehendak Jabatan untuk dijadikan bahan rujukan dan penerbitan;
4. Membaiki dan mengubahsuai manuskrip (penulisan) yang hendak diterbitkan dari segi fakta dan keilmiahan penulisan agar menjaga mutu penulisan sejarah Jabatan;
5. Berusaha mendapatkan bahan-bahan terbitan khususnya rencana sejarah sama ada dari penulis dalam atau luar Jabatan;
6. Meneliti serta menyemak dan memberi ulasan atau pandangan terhadap artikel-artikel atau bahan-bahan penulisan yang dihantar di Jabatan ini;
7. Merancang dan menyelaras hal ehwal penerbitan Jabatan;
8. Merancang dan mengurus pegawai dan kakitangan di Bahagian Penerbitan dan Pemasaran; dan
9. Menerima arahan dan tugas daripada pegawai kanan dari semasa ke semasa.